



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 6.

BANDAR BRUNEI, RABU, 18 MARCH, 1959 (8 RAMADAN, 1378)

PERCHUMA

Ra'ayat berhadulu2an na' bersalam dan menchiom tangan Sultan SULTAN DAN RA'AYAT BERSATU

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia dan sembilan orang ahli Majlis Meshuarat Negeri di-jadualkan berlepas ka-London dari Singapura hari ini kerana merundingkan satu perlembagaan yang bertulis bagi negeri ini dengan wakil2 Kerajaan British.

Rombongan itu telah meninggalkan Brunei pada hari Sabtu yang lalu dan telah singgah di-Singapura kerana menunggu kapal terbang untuk membawa mereka ka-London.

Di-Singapura rombongan itu telah di-sertai oleh penasihat undang2-nya, Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab, sa-orang peguam dan bekas Menteri Besar, Perak.

Keberangkatan baginda dari Brunei kerana mengetahui rundingan mu'tamad mengenai perlembagaan itu telah di-saksikan oleh hampir 5,000 orang ra'ayat dari seluruh negeri yang telah datang ka-lapangan terbang Berakas di-sini.

Di-kiri kanan jalan ka-lapangan terbang sa-jauh tiga batu dari jambatan baharu Edinburgh Bridge yang terletak tidak jauh dari Istana murid2 sekolah, laki2 dan perempuan telah berbaris dari pagi2 hari kerana menunggu sa'at hendak menguchapkan selamat belayar kepada baginda dan ahli2 rombongan itu.

Murid2 itu, Melayu, China dan lain bangsa berasa gembira mendapat peluang menguchapkan selamat belayar dan berjaya kepada baginda.

Duli Yang Maha Mulia dan ahli2 rombongan itu telah berlepas dari Istana pada pukul 10 pagi dan telah sampai di-lapangan terbang tidak beberapa minit kemudian.

Di-lapangan terbang pula baginda telah di-sambut oleh Pemangku British Resident Brunei Tuan E. W. Cousins, Pemangku2 Raja, Y. T. M. Duli Pengiran Bendahara dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, pegawai2 tinggi kerajaan, ahli2 majlis meshuarat dan saudagar2 dari segala bangsa di-negeri ini.

Mereka semua-nya telah datang ka-lapangan terbang dengan niat yang satu ia-itu menguchapkan selamat belayar dan berjaya kepada Duli Yang Maha Mulia.

Perasaan kaseh ra'ayat kepada baginda telah juga terbukti di-lapangan terbang pada sa'at Duli Yang Maha Mulia hendak berangkat naik ka-kapal terbang yang telah sedia menunggu di-situ.

Ra'ayat kecil dan besar telah berhadulu2an merapati baginda hendak bersalaman dan menchiom tangan Raja mereka.

Baginda telah bertitah kepada mereka itu bahawa keberangkatan baginda itu ia-lah untuk sementara waktu sahaja kerana kepentingan ra'ayat dan kesempurnaan negara.

Dalam titah baginda sa-kali lagi telah menegaskan bahawa pemerintahan negara Brunei bagi masa hadapan akan di-letakkan diatas bahu ra'ayat sendiri.

Seruan baginda supaya ra'ayat mendoakan kejayaan rombongan itu telah di-sambut oleh doa daripada Pemangku Raja, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Doa itu telah di-aminkan oleh para hadirin dan dilangsungkan dengan sembahyang hajat di-Masjid Omar Ali Saifuddin.

Perpaduan ra'ayat dengan Raja atas tuntutan supaya Brunei diberi sa-mula kuasa memerintah sendiri ada-lah di-sokong oleh Ketua Ra'ayat Brunei, Azahari.

Inche Azahari penoh perchaya bahawa ra'ayat Brunei telah layak memerintah negeri mereka.

EMPAT GURU DI-LANTEK JADI AHLI MAJLIS MASHUARAT

BANDAR BRUNEI. — Empat orang Melayu telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia menjadi ahli2 sementara Majlis Meshuarat Negeri mulai 14 March ini.

Lantekan itu ada-lah perlu untuk memenohi quorum jawatankuasa2 majlis berikutan dengan keberangkatan sa-puluh orang ahli2-nya ka-London kerana merundingkan perlembagaan bagi negeri ini.

Sa-orang daripada ahli2 sementara itu, Inche Abdul Manan bin Mohamed telah bersara dari jawatan guru dan sekarang ini menjadi setiausaha sa-buah sharikat pemborong Melayu, Malay Tutong Company, Tutong.

Lantekan Pemangku2 Raja

BANDAR BRUNEI. — Sa-lama ketiadaan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam negeri kerana berangkat ka-London merundingkan satu perlembagaan yang bertulis bagi Negeri Brunei dua orang kerabat Diraja telah di-mashhorkan menjadi pemangku2 baginda.



Duli Pengiran Bendahara

Duli Yang Maha Mulia ka-London.

Sa-belum ini Duli Pengiran Bendahara dan Pengiran Shah-



Pengiran Shahbandar

Pemangku2 Raja itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim ibnu Almarhum Pengiran Anak Abdul Rahman dan Yang Amat Mula Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh bin Pengiran anak Haji Mohammed.

Mereka itu telah menjalankan kewajipan Diraja mulai 14 March ini ia-itu tarikh keberangkatan

bandar telah beberapa kali menjadi pemangku Raja.

Dalam pemashhoran mengangkut kedua orang kerabat Diraja menjadi Pemangku2 Raja Duli Yang Maha Mulia bertitah:

Waktu menjalankan kewajipan Pengiran2 sa-bagai Pemangku Raja hendak-lah Pengiran2 selalu mengikut serta memerhatikan segala titah2 yang beta telah titahkan atau sa-lepas ini akan titahkan untuk panduan Pengiran2."

Jemputan Hari Raya di-Istana

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Raja Isteri akan membuka Istana baginda kepada orang ramai dari segala bangsa sa-lama sa-minggu dari hari kedua Hari Raya Puasa yang akan datang ini.

Duli Yang Maha Mulia telah menubuhkan satu jawatan kuasa yang terdiri dari 38 orang untuk menyambut dan mera'ikan orang ramai di-Istana dalam minggu tersebut.

Lain2 ahli lantekan baharu itu ia-lah: Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar, penyelia kebun tanaman2 sekolah2 Melayu.

Pengiran Jadid bin Pengiran Naseruddin, Penyelia sekolah2 Melayu Belait/Seria dan ahli Majlis Daerah, Tutong, dan Inche Othman bin Bidin, penyelia sekolah2 Melayu Tutong dan ahli Majlis Meshuarat Daerah, Bandar Brunei.

Di-antara jawatankuasa yang ahli2 baharu itu menjadi ahli-nya ia-lah Lembaga Tawaran, Jawatan Kuasa Tanah, Jawatan Kuasa Kewangan, Lembaga Dermasiswa dan Jawatankuasa Perkhidmatan Awam.

DUKE PUJI PELUKIS MUDA

CHENDERONG MELUKIS DARI KECHIL

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pelukis muda Brunei yang berbakat telah mendapat sa-pu-chok surat tahniah daripada Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, suami Baginda Queen atas dua keping lukisan yang dipersembahkan-nya kepada Duke.

Pelukis muda itu ia-lah Awangku Asmali bin Pengiran Ahmad, berumur 18 tahun, sa-orang penuntut di-Form IV, se-kolah Inggeris, Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini.

Dalam surat-nya kepada Awangku Asmali, Duke berkata baha-wa beliau berasa besar hati menerima lukisan2 yang akan men-jadi kenang2an lawatan-nya Bru-nei.

Lukisan2 itu menggambarkan Kampong Ayer dari bukit Resi-dency dan bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini dan telah di-persembahkan kepada Duke di-Istana Darul Hana pada masa beliau melawat ka-Brunei pada 28 February lepas.

Kechenderongan Awangku As-mali kepada seni lukis telah ter-bukti semenjak beberapa tahun dahulu ia-itu sa-baik sahaja be-liau mengenal pensil dan kertas.

"Saya telah mereka apa jua gambar yang terlintas dalam fi-ikiran saya semenjak saya kechil lagi," kata Awangku Asmali.

Sa-telah bersekolah beberapa tahun di-sekolah Melayu SMJA di-sini Awangku Asmali telah be-rtukar sekolah melanjutkan pe-lajaran di-SOAS Kolej.

Kechenderongan-nya melukis itu telah di-ketahui oleh sa-orang guru di-SOAS Kolej, Puan Fisen-den dan beliau telah memberi Awangku Asmali serba sedikit panduan untuk meningikan mutu



Ahli2 pasukan Workshop Sports Club yang telah menjadi Johan bola sepak league ashik melukis di-rumah-nya di-Bandar Brunei.

lukisan-nya.

Sa-lepas itu Awangku Asmali di-ajar pula oleh sa-orang guru lukisan lain ia-itu Tuan M. Bas-tians.

"Dengan dorongan dan pimpin-an Tuan Bastians, saya telah berjaya mengenalkan hasil luki-san saya di-beberapa pertunjukan di-Brunei dan mendapat hadiah," kata Awangku Asmali.

Bakat Awangku Asmali melu-kis itu telah sampai kapengeta-huan Duli Yang Maha Mulia beberapa tahun dahulu. Baharu2 ini sa-bagai menggalakkan pelu-kis muda itu baginda telah men-gurniakan perkakas2 melukis kepada Awangku Asmali.

Awangku Asmali berharap akan dapat melanjutkan pelajaran-nya melukis itu ka-seberang laut.

PEGAWAI PENERBANGAN BERLATEH DI-SYDNEY

BANDAR BRUNEI. — Pega-wai Kanan Kawalan Lalu Lintas Udara di-Pejabat Penerbangan Awam, Brunei, Tuan P.C. Deva Raj telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang baharu2 ini dalam perjalanan-nya ka-Austra-lia untuk berlateh dalam hal ah-wal kawalan udara di-bawah an-jevan Colombo Plan.

Tuan Deva Raj akan berada di-Australia sa-lama enam bulan dan akan mendapat latehan di-Melbourne, Sydney dan lain2 kota di-Australia.

Tuan Deva Raj, berumur 31 tahun telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei semenjak lima tahun dahulu. Beliau di-peranak-kan di-India.

Sa-belum datang ka-Brunei be-liau telah berkhidmat di-Pejabat



Tuan P. C. Devaraj

Penerbangan Awam, Labuan dan Singapura.

Beliau ia-lah juga sa-orang pe-mandu kapal terbang yang me-gang lesen Class "A".

PENUNTUT2 TERBANG KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Dela-pan orang pemuda dan enam orang gadis telah berlepas dari Brunei baharu ini dengan kapal terbang ka-Singapura kerana me-nuntut di-Malaya.

Mereka itu akan mendapat la-tehan perguruan sa-lama 3 tahun di-maktab perguruan Kota Ba-haru, Kelantan.

Penuntut2 itu ia-lah: Awangku Mustafa bin Pengiran Matasan, Awangku Yunus bin Pengiran Besar, Hamzah bin Uting, Anuar bin Haji Hamid, Awangku Yakub bin Pengiran Ahmad, Mu-hamed bin Haji Jarudin, Moha-med Nor bin Salleh dan S. Hamid bin S. Nikman dari SOAS Kolej.

Gadis2 itu semua-nya dari Se-kolah Tinggi Raja Isteri, ia-itu Dayangku Fatimah binti Pengi-ran Salim, Napsiah binti Haji Saman, Noriah binti Nordin, Nauyah binti Osman, Zainun binti Abdul Latiff dan Hasbah binti Haji Moidin.

Borang baharu

BANDAR BRUNEI. — Bor-rang2 baharu untuk menerang-kan jenis barang2 perniagaan se-karang ini boleh di-minta oleh pedagang2 di-negeri ini dari pe-jabat kastam. Ini telah di-um-umkan oleh pehak yang berkua-sa di-sini.

Orang2 yang kurang faham atas butir2 yang di-kehendaki mulai 1 April akan datang ini hendak-lah bertanya kepada pe-gawai2 kastam.

LARANGAN MAKAN SIANG HARI

BANDAR BRUNEI. — Orang2 Islam yang di-da-pati makan, minum atau menghisap rokok di-tem-pat2 orang ramai pada siang hari dalam bulan pu-sa akan di-denda kerana melanggar undang puasa.

Menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Ja-batan Ugama Islam Negeri Brunei, denda itu ia-lah \$50 atas kesalahan pertama, \$75 kesalahan kedua dan \$100 atas kesalahan ketiga.

Jabatan Ugama itu me-nasihatkan orang2 yang uzor yang tidak mampu berpuasa supaya jangan makan dan minum atau menghisap rokok di-hada-pan orang ramai pada siang hari.

Ini ia-lah untok memeli-hara meruah Ugama Islam.

Siaran itu berkata lagi baha-wa oleh sebab orang2 Islam di-wajibkan berpuasa dalam bulan Ramadan, Ja-batan Ugama Islam ber-harap kepada penjual2 ma-kanan dan minuman ja-ngan membenarkan orang2 Islam makan dan minum di-kedai2 mereka pada siang hari.

Pekedai2 yang melanggar perintah tersebut ada-lah di-sifatkan bersebahat de-ngan orang2 yang melang-gar hukuman puasa itu.

PEPEREKSAAN TERENKAS: 3 BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penuntut Brunei, anjaraan Persatuan Guru2 Melayu Brunei, telah berjaya dalam peperiksaan terengkas Melayu yang di-ada-kan oleh Trengkas Melayu In-stitut, Singapura, dalam bulan December lepas.

Penuntut2 yang berjaya itu telah menerima sijil kehulusan mereka dari maktab itu seperti berikut:

Perengkat tinggi — Yahaya bin Manap, 130 perkataan sa-minit (lulus).

Perengkat menengah — 1. Awangku Tuah bin binti Pengi-ran Haji Menudin, 80 perkataan sa-minit (istimewa), 2. Metamin bin Dato Seri Paduka Tuan Haji Mangol, 80 perkataan sa-minit, lulus.

RADIO KERAJAAN HIBORKAN LEBEH SEPAROH PENDUDOK2 NEGERI BRUNEI

Satu dari perkhidmatan2 kerajaan yang sangat di-banggakan oleh ra'ayat Negeri Brunei ia-lah perkhidmatan Radio Kerajaan yang lebeh terkenal dengan nama Radio Brunei itu.

Sungguh pun Radio Brunei baru sahaja menjalankan perkhidmatan-nya di-Negeri ini tetapi boleh di-katakan bahawa seluruh ra'ayat yang berjumlah hampir 80,000 orang itu telah menjadi peminat-nya.

Mengikut anggaran kasar hampir 8,000 buah rumah yang mengandongi lebeh 50 peratus dari jumlah penduduk negeri ada mempunyai peti radio dan mendengar siaran Radio Brunei yang memancar menerusi gelombang sederhana 242 dan 309 meter.

Angka itu bertambah besar dari sa-hari ka-sahari kerana selain dari peti2 radio yang di-beli dari kedai2 penjual radio, radio2 baru ada-lah juga di-jual oleh Pejabat Penerangan dengan harga yang murah dan syarat2 yang tidak menyusahkan pembeli-nya.

Pejabat itu telah menjual lebeh 1,000 buah peti radio baru dan hampir 1,000 buah peti lagi akan di-jual kepada penduduk2 kampung yang tidak mampu membeli peti2 radio yang mahal dari dari kedai2 radio.

Radio Brunei itu telah di-lengkapkan untuk memancarkan siaran2-nya ka-seluruh negri sahaja dan pembukaan ranchangan perchubaaan-nya telah di-ishtiharkan oleh Duli aYng Maha Mulia pada Hari Raya Puasa tahun 1957 bersamaan dengan 2 May.

Siaran dari ranchangan per-



Puan Julia Yap.

chubaaan itu telah di-dengar di-pantai timur Malaya dan sa-bahagian besar kawasan Sarawak dan Borneo Utara.

Ini ia-lah kerana tenaga kilo-




Gambar di-atas kanan: Dayanku Intan binti Pengiran Apong, sa-orang juruhebah yang telah mendapat latehan dengan Radio Malaya di-Kuala Lumpur kelihatan sedang menjalankan tugasnya di-studo Radio Brunei.



Kiri: Puan Betty Wong, penolong Puan Julia Yap ketua bahagian khuhub khahah Radio Brunei sedang mengeluarkan piring hitam kesukaan ramai untuk di-siarkan.

wat-nya kuat dan siaran2 itu telah dapat di-dengar bukan sahaja di-dalam negeri tetapi di-negeri2 tetangga Brunei juga.

Baharu2 ini sa-orang pengemmar radio di-Amerika Sharikat telah mengirim sa-puchok surat menyatakan bahawa siaran Ra-



Bangunan Radio Brunei yang baharu ini telah siap pada hujung tahun lalu. Bangunan alat dan perkakas Pejabat Radio Brunei di-anggarkan berharga lebeh \$500,000.

dio Brunei dapat di-dengar dengan jelas di-pantai barat Utara Amerika.

Dalam surat-nya Tuan Robert B. Knowles dari San Diego, California yang beribu2 batu jauh-nya dari negeri ini berkata:


"Radio Brunei boleh di-dengar dari ranchangan pembukaan sampai tamat. Siaran-nya mengandongi warta berita dunia dan tempatan, lagu2 dan cherita2 pendek."

"Siaran2 itu di-pancharkan dalam bahasa Inggeris, Melayu dan China menerusi gelombang sederhana 242 dan 309 meter" kata Tuan Knowles lagi.

Saperti kebanyakan pejabat2 kerajaan yang berchorak teknikal sa-bahagian besar dari kaki tangan Radio Brunei pada masa ini ia-lah pegawai2 yang di-datangkan dari seberang laut.

Dalam pada itu segala usaha ada-lah di-jalankan untuk melateh pegawai2 tempatan supaya mereka layak menyandang tugas2 yang bertanggung jawab kelak.

Beberapa orang pegawai tem-



Inche Samli bin Mansor sa-orang ahli teknik yang di-datangkan dari Malaya kelihatan sedang membaiki peti recording di-studio Radio Brunei.

patan telah di-hantar berlateh dengan Radio Malaya di-Kuala Lumpur dan hasil dari latehan itu ia-lah ranchangan Radio Brunei sa-makin lama sa-makin bertambah baik.

"Saya berani berkata bahawa ranchangan Radio Brunei ia-lah yang terbaik sa-kali di-Borneo British sama ada dalam ranchangan Melayu, Inggeris atau

(Lihat Muka 6)

Sultan ucapkan selamat tinggal untuk sementara waktu

PERLEMBAGAAN YANG AKAN MENJAMIN KESEMPURNAAN NEGARA



Duli Yang Maha Mulia

bil bahagian dalam pemerentahan negeri.

Dalam persidangan akhbar itu Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan :

"Saya berkehendakkan satu peratoran supaya dapat di-bentuk sa-buah Majlis Undang-an dan sa-buah Majlis Kerajaan.

Pilehan Raya

"Pilehan raya hendaklah diadakan supaya ra'ayat sendiri memilih wakil2 dalam majlis2 meshuarat."

Baginda telah juga menegaskan bahawa tentangan daripada ra'ayat atas tuntutan2 yang akan di-kemukakan oleh rombongan itu kepada Kerajaan British adalah di-jangka tidak bagitu keras seperti yang di-beritakan oleh akhbar.

"Ra'ayat menuntut supaya di-adakan pilehan raya untuk memenohi sa-kurang2-nya 75 peratus dari bilangan ahli2 dalam majlis2 meshuarat. Yang akan di-kemukakan kepada Kerajaan British ia-lah hampir sama dengan tuntutan itu," kata baginda.

Tuntutan Ra'ayat

Baginda telah juga menyatakan bahawa perlembagaan itu boleh di-pinda untuk memenohi tuntutan ra'ayat, tetapi buat sementara ini baginda berseru kepada ra'ayat seluruhnya supaya menyokong perlembagaan itu dan memberi ia-nya peluang berjalan sa-lama lima atau enam tahun sa-belum di-pinda.

Hak Ra'ayat

Taraf kera'ayatan juga akan di-rundingkan di-London kerana perkara itu mustahak bagi sa-suatu negeri yang merdeka.

Dengan ada-nya kera'ayatan itu dapat-lah di-tentukan hak ra'ayat dalam segi pemerentahan untuk menjamin kebahagiaan dan nasib negara dan ra'ayat Negeri Brunei.

Bilangan ra'ayat yang telah datang ka-lapangan terbang itu ada-lah luar biasa kerana sa-panjang yang di-ketahui belum pernah orang yang sa-ramai itu berhimpun di-masa dahulu sama ada menyambut baginda balek ka-negeri atau menghantar Duli Yang Maha Mulia belayar ka-luar negeri.

Seruan Baginda

Ini dapat-lah di-pastikan bahawa ra'ayat telah menyambut baik seruan baginda bahawa tujuan hendak mengadakan satu perlembagaan yang bertulis itu ia-lah sa-mata2 kerana kepentingan ra'ayat dan negeri.

Mereka seluruh-nya berdoa moga2 kejayaan akan di-peroleh dan sa-bagai menunjukkan perasaan kasah sayang dan keperchayaan penoh mereka atas maksud baginda, mereka itu telah berebut2 bersalaman dan menchium tangan baginda.

Perlembagaan itu seperti yang telah berulang kali di-umumkan oleh baginda ia-lah untuk membolehkan ra'ayat mengambil bahagian dalam pemerentahan negeri. Ini bermaana ra'ayat bertanggung jawab menggubal, merunding dan meluluskan undang2 untuk kesempurnaan dan kebahagiaan negeri.

Maksud ini telah sa-kali lagi di-tegaskan dalam ucapan baginda memberi selamat tinggal kepada ra'ayat sa-belum rombongan itu menaiki kapal terbang pada hari tersebut.

Terima Kaseh

Duli Yang Maha Mulia telah bertitah seperti berikut :

"Pemangku2 Raja, Pemangku British Resident serta ra'ayat yang di-kasehi.

"Saya menguchap shukor kepada Allah Subhanahu Wataala atas rahmat-nya yang telah tidak terhingga pada kita sakalian, yang mana pada hari ini, sungguh pun hari panas terik dan tuan2 sakalian mengerjakan surohan Allah ia-itu berpuasa, tuan2 dapat juga datang beramai2 ka-padang kapal terbang ini dengan maksud memberji selamat belayar kepada kami — rombongan perlembagaan ini ka-London. Atas kesudian tuan2 itu saya ucapkan terima kaseh.

"Sa-belum saya serta rombongan ini melangkah kaki ka-kapal terbang yang telah sedia menanti di-sana, dan sa-belum menguchap selamat tinggal buat sementara waktu sahaja bagi ra'ayat sakalian, saya in-

gin dengan berkat Allah Subhanahu Wataala sa-bagaimana yang telah berkali2 saya sebutkan di-masa2 yang lalu, ia-itu pemerentahan Negara Brunei yang akan datang ada-lah memberi peluang kepada ra'ayat negeri ini mentadbir dan mengendalikan pemerentahan negeri di-bahu ra'ayat di-negeri ini.

"Majlis Meshuarat Undang-an, yang akan meluluskan membuat dan merundingkan segala undang2 bagi kesempurnaan Negeri Brunei ini ada-lah akan mempunyai ahli2 yang terbanyak dari wakil yang di-pilih ra'ayat.

"Ini bererti segala keputusan dan undang2 negara adalah terserah di-tangan ra'ayat yang menchintai dasar demokrasi.

"Sa-lain dari itu yang saya rasa penting saya sebutkan, kami juga akan merundingkan taraf kera'ayatan yang akan menentukan hak ra'ayat di-dalam segi pemerentahan dan kehidupan sa-hari2, dan beberapa perkara penting yang akan membaiki dan menjamin kebahagiaan dan nasib negara dan ra'ayat Brunei yang akan datang.

Nasib Negara

"Mudah2an dengan doa tuan2 yang di-dorongkan oleh Allah Subhanahu Wataala, rombongan yang akan merundingkan nasib negara dan ra'ayat Brunei ini akan mendapat kejayaan dan berdoa'lah dan tunggu-lah dengan sabar, dan saya ucapkan selamat berpuasa dan selamat tinggal buat sementara waktu hingga kita berjumpa lagi di-suasana yang gembira dan aman. Terima Kaseh."

Suasana yang akan menyambut rombongan itu pada masa kembali-nya ka-Brunei kelak tidak shak lagi ia-lah suasana yang gembira dan aman.

Rombongan itu penoh perchaya bahawa tuntutan2-nya yang sederhana itu akan di-terima oleh Kerajaan British kerana mengikut titah baginda dalam satu persidangan akhbar di-Istana Darul Hana baharu2 ini sedikit perkara sahaja lagi hendak di-rundingkan di-London.

Tujuan Besar

Rundingan itu telah berjalan semenjak rundingan permulaan dalam tahun 1957 dan tujuan besar-nya ia-lah hendak mengadakan pilehan raya supaya ra'ayat dapat mengam-

Sa-bagaimana yang di-umumkan rombongan perlembagaan Brunei telah berlepas pada pagi hari Sabtu lepas dari lapangan terbang Berakas dengan kapal terbang sharikat terbang Malayan Airways ka-Singapura dalam perjalanannya ka-London untuk mengadakan rundingan dengan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox-Boyd.

Rombongan yang terdiri dari sa-puluh orang ahli Majlis Meshuarat Negeri dan diketuai oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri itu telah bertolak dari Singapura ka-London hari ini.

Di-Singapura rombongan itu telah di-sertai oleh penasihat undang2-nya, Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab, saorang peguam Melayu yang pada satu masa dahulu menjadi Menteri Besar Negeri Perak.

Kuasa2 Baru

Rombongan itu di-jangka berunding di-London sa-lama sa-minggu untuk mendapat persetujuan Kerajaan British atas chorak perlembagaan yang bertulis itu.

Ranchangan Brunei ia-lah satu perlembagaan yang hampir2 sama bentuk-nya dengan perlembagaan Negeri2 Melayu di-Persekutuan Tanah Melayu sa-belum merdeka dahulu.

Perlembagaan itu memberi Brunei kuasa memerintah dalam negeri dengan nasihat daripada pegawai2 British dan jawatan British Resident yang menjadi ketua pertadbiran negeri di-gantikan dengan jawatan Penasihat British.

Kuasa pertadbiran akan di-serahkan kepada anak2 Brunei yang di-ketuai oleh sa-orang Menteri Besar. Menteri Besar itu akan di-bantu oleh beberapa orang pegawai Melayu yang berpujngkat Menteri, seperti Setiausaha Kerajaan dan lain2-nya.

Sultan Berangkat

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia dengan rombongan itu telah menjadi satu sejarah perhimpunan ra'ayat di-negeri ini.

Sungguh pun rombongan itu di-jadualkan sampai di-lapangan terbang pada pukul 10.15 pagi tetapi sa-jam sa-belum itu hampir 5,000 orang ra'ayat dari jauh dan dekat telah hadir menunggu di-situ hendak menguchap selamat berangkat dan mudah2an baginda berjaya dalam rundingan.

Larangan minum arak di-kedai dan rumah

DUA PEGAWAI PENERANGAN KUNJONGI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai penerangan dari luar negeri telah berkunjung ka-Brunei dalam minggu lepas kerana memerhatikan kemajuan dan perkembangan negeri ini.

Mereka itu ia-lah Tuan R. K. Chatterjee, Pegawai Penerangan Negeri2 Colombo Plan yang telah melawat ka-sini sa-lama tiga hari mulai 11 March.

Sa-baik sahaja Tuan Chatterjee berlepas dari Brunei ka-Borneo Utara pada 14 March Pegawai Penerangan Surohan Jaya Australia di-Singapura Tuan L. E. Barsdell pula sampai ka-sini.

Tuan Barsdell juga melawat sa-lama tiga hari.

Kedua2 orang pegawai penerangan itu telah mengadakan rundingan dengan pegawai2 kanan kerajaan Brunei dan sa-lama berada di-sini telah melihat bera-pa tempat dan perusahaan negeri ini.

Mereka itu telah juga melawat ka Seria kerana memerhatikan kemajuan perusahaan minyak di-situ.

2 KEBAKARAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua kebakaran belukar telah berlaku di-sini baharu2 ini — satu di-batu 7½ Jalan Berakas dan satu di-hujung pelanchar lapangan terbang Berakas.

Kebakaran di-Jalan Berakas terjadi pada pukul 2.10 petang dan telah memusnahkan kira2 1½ persegi batu belkuar.

Di-lapangan kapal terbang pula hampir sa-ekar belukar telah habis di-makan api.

Api itu telah di-padamkan pada pukul 7 malam itu oleh pasukan bomba Brunei dan anggota2 Polis.

SULTAN ZIARAH MAKAM

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menziarahi makam Al-merhum Sultan Kamaluddin di-Luba dan makam Diraja, sa-belum berangkat ka-London pada hari Sabtu 14 March.

Baginda telah, di-ringi oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Kadhi Besar Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Shahbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Moha-

BANDAR BRUNEI.—Orang2 Islam di-Negeri Brunei mungkin di-kenakan hukuman yang berat jika di-dapati minum minuman keras di-kedai atau di-rumah.

Inj ada-lah di-bayangkan dalam satu siaran Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri yang telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Siaran itu melarang arak di-hidangkan di-jamuan2 rasmi atau tidak, sama ada di-Istana adakan wazir2, cheteria dan pegawai2 kerajaan yang beragama Islam.

“Melanggar peratoran ini adalah bererti menyalahi dan engkar dari menurut titah perentah Diraja. Kuatkuasa yang di-beri pada mereka yang tidak patoh pada-nya akan di-kenakan kepada pertoran titah Diraja”, kata siaran tersebut.

Chegahan meminum arak itu berjalan kuatkuasa-nya mulai 1 March ini.

Arak ada-lah di-hidangkan bagi kali penghabisan di-Istana Darul Hana pada malam jamuan negara kerana meraikan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh pada hujung bulan lepas.

Jamuan teh

TUTONG. — Kaki tangan Pejabat2 Kerajaan di-sini telah meraikan Pegawai Daerah mereka, Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar dalam satu majlis jamuan teh di-sekolah Melayu Muda Hashim.

Kira2 70 orang termasuk ahli2 Majlis Daerah Tutong; penghulu2, pemimpin2 ugama dan pemimpin2 kaum China dan Indian Tutong telah hadir.

Majlis itu ia-lah kerana mengucapkan selamat belayar kepada Pengiran Haji Abu Bakar, sa-orang dari ahli2 rombongan perlembagaan yang akan berangkat pada 14 March ka London.

Doa selamat telah di-bacha oleh Kadhi Tutong Tuan Ishak bin Adam.

SANDIWARA UNTOK TABONG DERMA PEMUDA PEMUDI

BANDAR BRUNEI. — Satu sandiwara aneka warna persembahkan semua bangsa di-Negeri ini akan di-adakan di-dewan Civics Centre di-sini pada malam Ahad dan Ithnin bersamaan 11 dan 12 April yang akan datang.

Sandiwara itu di-anjorkan oleh Pejabat Penerangan Brunei dan Radio Brunei bukan-nya sahaja kerana hiburan Hari Raya Puasa tetapi ia-lah juga kerana menyambut pembukaan civics centre itu dan ulang tahun pembukaan Radio Brunei.

Tujuan ini telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia dan baginda telah bersetuju menjadi penaung sandiwara itu.

Wang yang di-dapati dari jualan teket akan di-dermakan kepada Lembaga Pemuda Negeri Brunei yang baharu ditubuhkan itu untuk kebajikan pemuda pemudi negeri ini.

Para peserta sandiwara itu ia-lah biduan dan biduanita dari seluruh negeri.

Sa-lain dari tarian dan nya-



nyan barat, tarian dan lagu2 asli Brunei akan juga di-persembahkan. Ini termasuk-lah hadrat, zapin, tari piring dan lain2-nya.

Teket2 untuk menyaksikan sandiwara itu tidak lama lagi akan di-jual. Harga-nya telah di-tetapkan seperti berikut :

Teket khas, \$10 atau lebeh, pertama, \$3, kedua \$2 dan ketiga, \$1.

WAKTU BEKERJA BULAN PUASA

BANDAR BRUNEI. — Dalam Bulan puasa ini waktu bekerja di-pejabat2 kerajaan di-Daerah, Brunei, Temburong dan Tutong ada-lah seperti berikut:

Hari Ithnin sampai hari Khamis — 7.30 pagi hingga 2.15 petang, hari Sabtu — 7.30 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Waktu2 ini mengenai semua pekerja2 kerajaan termasuk pekerja2 gaji hari kechuali pekerja2 di-pejabat2 yang memerlukan bekerja bergilir, mithalan Pejabat Perubatan.

Pekerja2 yang bekerja mengikut waktu yang di-tetapkan, mithalan tukang jaga, akan bekerja mengikut masa biasa dalam bulan puasa.

Waktu bekerja di-pejabat2 kerajaan di-Belaait dan Seria adalah seperti biasa tetapi perubahan waktu itu mengenai pekerja2 gaji hari dan buroh kasar atau pegawai2 yang di-tetapkan mengawas buroh itu.

Lantekan Pegawai2 Tinggi

Tuan E. W. Cousens, telah memangku jawatan British Resident, Brunei, mulai 3 March.

Tuan M. D. B. Graham telah lantek memangku jawatan Bendahari Kerajaan Brunei mulai 3 March.

Inche Mohamed Taib bin Awang Besar, telah di-lantek memangku jawatan Pegawai Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei mulai 14 March, 1959.

Tuan Patrick McAfee telah di-lantek memangku jawatan Pegawai Daerah, Tutong, mulai 11 March, 1959.

Inche Salleh bin A. Kadir telah di-lantek memangku jawatan Pegawai Penerangan Negeri, Brunei mulai 14 March 1959.

Inche Hussin bin Abdul Hamid telah di-lantek memangku jawatan Pegawai Tanaman2 Negeri Brunei mulai 1 March, 1959.

Doktor baharu

BANDAR BRUNEI. — Senarai doktor2 yang didaftarkan di-negeri ini telah bertambah dengan kedatangan Dr. M.A. Gabriell-Jayamaha. Doktor itu berkelulusan L.M.S. Singapura dalam tahun 1918.

Alamat-nya di-Brunei ia-lah c/o C. Nicholas, Esq., P.W.D., Brunei.

RANCHANGAN PEMBELAHAN BESAR DI-BRUNEI

Pakar2 dan jururawat dari Australia

BANDAR BRUNEI. — Satu pembelahan ka-atas orang2 yang menghidap penyakit dada akan di-lakukan di-rumah sakit besar di-sini dalam pertengahan tahun ini.

Pembelahan itu akan di-jalankan oleh pakar2 belah dan doktor2 dari Australia yang di-jangka akan berada di-Brunei sa-lama enam minggu kerana urusan tersebut.

Tetapi kata satu siaran Pejabat Perubatan Brunei, pembelahan itu hanya dapat di-jalankan sa-kira-nya tabong darah di-rumah sakit kerajaan dapat menjamin bekalan darah yang di-kehendaki kelak.

Siaran itu berkata lagi bahawa tabong darah itu sangat kekurangan darah pada masa ini dan jika tabong itu tidak mendapat derma darah yang menchukupi

pembelahan itu mungkin tidak dapat di-laksanakan.

Menderma darah ia-lah satu perkara yang tidak akan menyusahkan penderma-nya.

Darah itu di-ambil dari lengan orang yang menderma sa-telah lengannya itu di-chuchok dengan sa-batang jarom yang halus.

"Chuchokkan jarom itu, kata siaran Pejabat Perubatan itu lagi, tidak menyakitkan."

Orang2 yang menderma darah itu akan di-beri ubat supaya darah-nya puleh saperti sedia kala dalam sadikit masa sahaja.

DUA MINGGU SA-KALI

BANDAR BRUNEI. — Mulai 10 March ini Penolong Pegawai Haiwan Brunei akan melawat ka-Belait/Seria sa-kali dalam masa dua minggu kerana memberi nasihat berkenaan dengan ternakan puan2.

Beliau akan berada di-semainan buah2an Pejabat Tanaman di-batu 8, Jalan Kuala Belait-Seria dari pukul 10 pagi sampai pukul 12 tengah hari dan dari pukul 2 petang hingga 3.30 petang.

BAYARAN KERANA FIKIRAN DAN RENCHANA PUAN2

BANDAR BRUNEI. — Pelita Brunei dengan gembira mengumumkan bahawa renchana, karangan dan buah fikiran kaum ibu yang di-siarkan dalam ruangan Kaum Ibu ini akan di-timbangkan untuk mendapat hadiah wang.

Hadiah itu ada-lah sa-kadar sahaja. Sa-besar2 hadiah yang akan di-beri ia-lah \$15 dan sa-kurang2-nya \$5 mengikut mutu karangan, fikiran dan panjang renchana atau karangan yang di-siarkan itu.

Karangan2 atau renchana yang akan di-muatkan dalam ruangan ini hendak-lah mengandongi nasihat, fikiran, berita dan laporan mengenai kaum ibu, didekan anak2, kesihatan, pergerakan wanita dan berita mengenai kaum ibu seluruh-nya.

Gambar2 yang di-kirimkan dengan karangan atau laporan itu akan di-bayar juga jika di-siarkan.

Karangan, renchana dan lain2-nya hendak-lah di-sampaikan kepada Pelita Brunei, Pejabat Penerangan, Bandar Brunei.

Pelita Brunei di-keluarkan dua kali sa-bulan pada hari Rabu pertama dan ketiga. Sumbangan2 daripada puan2 hendak-lah sampai ka-Pejabat Penerangan sa-kurang2-nya tiga hari sa-belum hari penerbitan.

Untuk menyenangkan pehak Pelita Brunei menyediakan voucher2 kerana bayaran kelak, nama penoh dan alamat puan2 hendak-lah di-nyatakan dalam karangan atau laporan itu.

Nama dan alamat itu hanya di-siarkan jika puan2 berkehendakkan.

KEPUTUSAN NA' JAMU BANDUAN

BANDAR BRUNEI. — Orang2 sakit dari segala bangsa di-rumah sakit Kerajaan di-sini dan juga banduan2 di-penjara Jerudong akan di-hadiahkan kueh2 dan minuman untuk menyambut Hari Raya Puasa yang akan datang ini.

Ini telah di-persetujui dalam satu meshuarat yang telah di-adakan di-sini baharu2 ini.

Meshuarat itu telah membentok satu jawatan kuasa untuk membuat persediaan dan juga untuk menyampaikan hadiah2 itu kepada orang2 sakit dan orang2 sa-lah itu.

Jawatan kuasa itu di-ke-tuai oleh Pehin Orangkaya Shahbandar Haji Ahmad. Ahli2-nya ia-lah: Awang Husin bin Pehin Orangkaya Di-gadong (setiausaha), Yang Berhormat Pengiran M. Yusuf, Pengiran Momin bin Pengiran Othman, Pehin Pendahari M. Taha, Awang Tahir bin Pehin Udara Khatab, Awang Lamat bin Awang Ali dan Pengiran Momin bin Pengiran Damit.

Jawatan kuasa itu akan mengunjongi orang2 sakit dan banduan2 itu untuk menyampaikan kueh dan minuman itu sa-hari atau dua sa-belum Hari Raya.

Lembaga pemuda pemudi harus bantu wanita

BANDAR BRUNEI. — Kebajikan pemudi negeri ini ada-lah satu dari berbagai2 kewajipan Majlis PemudaPemudi Negeri Brunei yang telah di-tubuhkan di-sini baharu2 ini.

Mengikut perlembagaan majlis itu pemudi akan di-bari lathan dan didekan supaya menjadi ra'ayat yang berguna dan maju dalam pergerakan masharakat.

Puan Halimah Hussin, sa-orang ahli jawatan kuasa majlis tersebut berkata bahawa majlis itu menggalakkan pemudi di-negeri ini memasoki atau manubuhkan pergerakan pemuda pemudi.

Apabila tertuboh kelak, bantuan sa-chara didekan akan di-hulorkan oleh majlis kepada pergerakan pemuda pemudi itu.

Majlis itu sangat mengambil berat atas kebajikan wanita yang terbuang dari sekolah Melayu dan Inggeris.

Bantuan yang di-ranchangkan untuk mereka pada masa ini ia-lah memberi pelajaran "ilmu rumah tangga dan lain2 yang layak bagi wanita."

Ranchangan didekan itu di-ator mengikut chogan kata: "Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara," kata Puan Halimah.

Puan Halimah sa-lanjut-nya menegaskan bahawa pemudi yang telah lulus dalam pelajaran ilmu rumah tangga itu akan menjadi

pelupor untuk mengajar anak2 di-kampung2.

Pelajaran ilmu rumah tangga itu sedang di-uruskan sekarang.

Pemudi yang berchita2 hendak mempelajari ilmu didekan rumah itu ada-lah di-minta berhubung dengan Puan Halimah Hussin, c/o Pelita Brunei, Pejabat Penerangan, Brunei.

Sokongan dari surat2 kahabar

(Dari Muka 3)

China," kata Tuan J. Duclos Ketua Pejabat Radio Brunei.

Pendapat ini ada-lah di-sokong oleh surat2 yang di-siarkan oleh akhbar2 tempatan memuji kebajikan ranchangan Radio Brunei.

Radio Brunei mungkin memancarkan siaran2-nya menerusi gelombang pendek supaya negeri2 seberang laut dapat mengenal Brunei dari radio.

Perkara ini akan di-kemukakan pabila pegawai2 tempatan sudah chukup terlatih meranchangkan siaran2 ka-luar negeri.

HIDANGAN PUDING PISANG

Untuk menchuchi mulut sa-lepas berbuka puasa, puan Halimah Hussin menghidangkan puding pisang kepada tuan2 dan puan :

Bahan2-nya: 2 biji pisang hijau, atau pisang masam manis, atau pisang rastali atau apa jua pisang yang tuan puan tanam sendiri, 4 sudu meja gula, 4 sudu meja tepong gandom, 1 sudu meja mentega, ½ sudu meja susu chair dan 2 biji telur ayam.

Achara memasak-nya: Hiris pisang tipis2. Pukul mentega dengan gula hingga menjadi cream. Merah telur asingkan dari puthenya dan pukul merah telur itu. Masokkan merah telur sadikit kadalam pukulan gula dengan mentega tadi, kachau rata kemudian masokkan tepong sadikit2.

Kemudian masokkan cream atau susu, berganti2 dengan merah telur, tepong dan susu. Satu persatu kachau rata2, kachau perlahan2.

Pukul puthel telur hingga kembangan dan puthel dan champorkan ka-dalam champoran tadi — tuangkan ka-dalam achuan yang sudah di-minyakkan dengan mentega atau minyak lain.

Champoran itu di-bakar hingga masak kuning. Jika suka dikukus pun boleh.

PELARI SERIA KEJUTKAN JOHAN BRUNEI

SERIA. — Pasokan SOAS "A" telah menjadi johan lumba lari melalui kampong dan hutan sa-jauh empat batu 330 ela yang berlangsung di-sini pada 7 March.

Ini-lah kali kelima pasokan maktab itu memenangi piala Duli Yang Maha Mulia semenjak perlawanan itu di-mulakan dalam tahun 1955.

Joseph Chin yang memegang record dalam perlawanan lumba lari seperti itu di-Bandar Brunei dan di-jangka memenangi perlumbaan di-Seria itu telah jatuh nombor dua.

Beliau di-dahului oleh Jaafar Awang Besar dari Sekolah Per-tukangan, Seria. Harun dari Maktab Perguruan Brunei jatuh nombor tiga.

Dalam perlumbaan itu Jaafar telah mengambil masa sa-lama 27 minit 23 saat berlari sa-jauh 4 batu 330 ela.

Empat belas pasokan telah mengambil bahagian ia-itu Maktab Perguruan Brunei (2 pasokan), K.B.R.C. (1), Sekolah Per-tukangan Seria (1) Brunei Town Athletic Club (1), Brunei Police, Belait (2), Sarawak Field Force (2), Sekolah Menengah Melayu, Brunei (2) dan SOAS Kolej (3).

Johan pasokan ia-lah pasokan "A" SOAS Kolej, di-ikuti oleh pasokan "A" Maktab Perguruan Melayu Brunei dan pasokan Brunei Town Athletic.

Semua-nya 82 orang telah mak-sok perlumbaan yang melalui padang, tanah pasir dan lain2 halangan untuk menguji semang-at para peserta-nya.

JOHAN LEAGUE PERTAMA



Ahli2 pasokan Workshop Sports Club yang telah menjadi Johan bola sepak league satu Brunei. Barisan hadapan dari kiri: Abu Bakar Puteh, Awangku Mahari, Sabtu Said, Abdullah Jaafar dan Wangku Radin. Barisan tengah dari kiri: Mahadi Nasir, Ahmad Bakar dan Edmund Keasberry. Berdiri dari kiri: Ibrahim Yahya, Pengiran Johari dan Chua Soon Thien.

Bergaduh di-tempat ramai

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Iban, Hussein anak Gabong dan Ibon anak Machan dan sa-orang Melayu Awangku Hashim bin Pengiran Chuchu telah di-hadapkan kapada Inche Ajmain bin Abdul Razak, dalam mahkamah magistrate, di-sini baharu2 ini dan di-tuduh bergaduh.

Ketiga2 orang itu telah di-dapati salah lalu di-perentahkan mengikat jamin supaya berkelakuan baik sa-lama tiga bulan.

Mereka itu telah di-tangkap oleh Polis pada masa berkelahi di-Jalan MacArArthur, di-sini pada 6 March.

Ibon yang di-katakan menggunakan sa-keping papan dalam pergaduhan itu telah di-beri amaran kuat oleh mahkamah.

Pegawai baharu

BANDAR BRUNEI. — Puan I.J. Anderson telah di-lantek menjadi Pegawai Pelajaran Perempuan, Pejabat Pelajaran, Brunei mulai 4 February, 1959.

Pemegang2 teket tersebut yang belum menerima hadiah masing2 adalah di-minta datang ka-pejabat sharikat Borneo Company, Bandar Brunei, mengambil hadiah2 itu.

Bola sepak persahabatan

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak Tongkadeh telah mengalahkan pasokan Jabatan Elektrik Champoran dua gol tidak berbalas dalam satu perlawanan persahabatan di-padang besar di-sini pada petang hari Ithnin 9 March.

Awangku Radin dan Sabtu telah menjaringkan sa-gol sa-orang bagi pasokan Tongkadeh.

PASOKAN BRUNEI ATASI SERIA

BANDAR BRUNEI. — Dalam satu perlawanan rugby persahabatan pasokan Bandar Brunei telah mengalahkan pasokan Seria 14 mata berbalas tiga di-padang SOAS College, di-sini baharu2 ini.

Mata bagi pasokan Brunei telah di-dapati oleh Hood, Caldwell dan Nathan.

Pasokan Brunei ia-lah: Hurly, Fuller, Glass, Youngman, Salleh, Dr. Hood, Douglas, Nathan, Caldwell, Joynt, Hottinger, Awangku Ahmad, Robertson, Greyson dan Pigiau.

Ahli2 pasokan Seria ia-lah: Wong, Ali Noo, Lim Ali Talip, James Low, Tiong, Steven Tiong, Chelliah, Hay, Ross, Mathew, Lane, Woodland Ker Lindsay dan Palmer.

PENGSAK KENA TENDANG

BANDAR BRUNEI. — Mydin bin Ja'afar ahli pasokan Brunei Town Malay Team yang berlawanan dengan pasokan bola sepak Brunei Chinese telah di-tandu keluar padang dalam permainan bahagian kedua apabila beliau jatuh pengsan.

Mydin telah kena tendang pada perut-nya dalam masa berlaku permainan kasar. Beliau telah di-bawa ka-rumah sakit untuk di-rawat.

Dalam pertandingan itu pasokan Brunei Malay telah menang empat goal berbalas satu.

MATI KENA LANGGAR

KUALA BELAIT. — Sa-orang laki2 bangsa Kelabit Angki ank Bayat, yang kerkhidmata dengan Sarawak Field Force di-Seria, telah mati di-langgar oleh sa-buah taxi di-jalan Kuala Belait-Seria baharu2 ini.

Angki sedang berjalan bersama bapa-nya di-batu 4, dekat Istana Kota Mangalela pada masa kemalangan itu.

Mayat-nya telah di-kebumikan di-tanah perkuboran Christian, Kuala Belait.

3 KEMALANGAN DALAM MASA SA-HARI DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tiga kemalangan dalam sa-hari telah berlaku di-sini pada 5 March, 1959.

Kemalangan pertama berlaku di-muka jalan arah ka-sekolah SOAS apabila sa-orang budak laki2 Melayu telah di-langgar oleh sa-buah kereta. Budak itu telah di-bawa ka-rumah sakit untuk di-rawat.

Kemalangan kedua berlaku di-Jalan Sultan. Sa-buah kereta telah melanggar sa-buah taxi yang berhenti di-situ apabila ia men-chuba hendak mengelakkan sa-buah basikat. Taxi itu telah mendorong dan melanggar sa-buah taxi lain yang berhenti di-situ juga.

Dalam kemalangan ketiga sa-orang budak laki2 China telah di-langgar olehsa-buah motor

scooter di-simpang jalan ka-pejabat Pos.

Budak itu telah di-bawa ka-rumah sakit dan di-rawat.

Mayat dalam sungai

KUALA BELAIT. — Mayat sa-orang Melayu telah di-jumpai ter-panjang di-Sungai Belait bertentangan dengan tambatan BSP di-Kuala Belait pada pagi 7 March.

Mayat itu telah di-kenali sa-bagai mayat Awangku Hidup bin Pengiran Mohamed, berumur 22 tahun, yang telah keluar dari rumah-nya di-Seria semenjak pukul 4 petang hari Khamis.

Dalam penyiasatan-nya Polis berkata bahawa kemalangan itu tidak di-shaki di-sebabkan oleh pengkhiantan.

PASAR ANEKA WARNA ANJORAN PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Satu fun fair telah di-adakan oleh Per-satuan Pengakap Brunei di-sini baharu2 ini untuk tabong derma persatuan itu.

Wang yang di-dapati dari fun fair itu akan di-gunakan untuk menghantar beberapa orang pengakap Brunei ka-jambori pengakap seluruh dunia yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Wang itu akan juga di-gunakan untuk membeli kelengkapan perkhemahan pengakap di-Jerudong.

Dalam chabutan loteri yang di-adakan di-fun fair itu teket No. 1100 telah memenangi sa-buah peti radio, teket No. 2371 sa-buah basikal, teket No. 1261 sa-buah jam tangan, teket No. 1669, seterikar elektrik dan teket No. 0995 sa-buah lampu meja.

Persekutuan Borneo British sangat tipis

SINGAPURA. — Rancangan hendak menyatukan ketiga2 buah negeri di-kawasan Borneo British ia-itu Borneo Utara, Sarawak dan Brunei sangat tipis pada masa ini, kata Gabnor Borneo Utara, Sir Roland Turnbull.

Sir Roland telah memberi alasan dari segi chadangan Brunei berkehendakkan satu perlembagaan yang bertulis.

Gabnor itu telah berkata demikian di-sini baharu2 ini dalam perjalanan-nya ka-United Kingdom.

Kapada para wartawan yang menemui beliau di-lapangan terbang Sir Roland telah menegaskan dasar Borneo Utara terhadap orang2 asing.

"Borneo Utara ada-lah bersedia menerima orang2 luar negeri yang hendak mendirikan perusahaan2 untuk kemajuan negeri," kata Sir Roland.

"Orang2 itu," kata Sir Roland lagi, "hendak-lah bersetuju tinggal di-Borneo Utara dan mestilah bekerja dengan bersungguh2 untuk memajukan perusahaan2 yang mereka jalankan itu."

Keputusan cricket

BANDAR BRUNEI. — Dalam satu perlawanan cricket yang telah di-adakan di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, pada hari Ahad yang lalu, Brunei Sports Club telah mengalahkan Kuala Belait Recreation Club dengan 86 lari.

Brunei Sports Club telah memperolehi 159 lari, manakala Kuala Belait Recreation Club memperolehi 73 lari.

BANGSA MELAYU TIDAK RELA DI-TINDAS BANGSA LAIN

SINGAPURA. — Dato Abdul Hamid bin Haji Jumat. Menteri Kerajaan Tempatan, Tanah dan Perumahan dan ketua UMNO Singapura telah memberi amaran baharu2 ini bahawa orang2 Melayu Singapura tidak rela di-tindas oleh satu bangsa lain.

Amaran itu telah di-beri-nya tatkala mengulas hak2 keutamaan Melayu yang akan di-tentukan dalam perlembagaan Negara Singapura.

"Orang2 Melayu Singapura akan meruntuhkan perlembagaan itu jika mereka di-tandas oleh satu bangsa lain," kata Dato Abdul Hamid.

Dato Abdul Hamid sa-terusnya menyeru kepada semua parti2 siasah di-sini supaya berjuang dengan tertib dalam pilihan raya yang akan datang.

"Jika tidak perkara burok akan timbul," kata beliau.

"Dato Abdul Hamid berkata lagi. "Kami orang2 Melayu

KENYATAAN MENGENAI GERAKAN KOMUNIS

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan baharu2 ini bahawa satu kertas puteh mengenai gerakan2 komunis di-Malaya akan di-terbitkan tidak berapa lama lagi.

Kertas puteh yang telah dirangka sa-lepas beberapa orang yang bersimpati dengan faham komunis di-tahan oleh pehak yang berkuasa.

Dalam pada itu, pegawai2 Kerajaan menyatakan bahawa beberapa orang daripada mereka itu telah pun di-bebaskan.

Pegawai2 tersebut berkata lagi bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, yang benchikan kepada komunis, telah berazam hendak menghapuskan segala gerakan komunis.

Mereka berkata bahawa kumpulan2, gerakan komunis di-bawah tanah di-Malaya telah mendapat bantuan yang banyak daripada orang2 China, dan sedikit2 daripada orang2 Melayu dan Indian.

Kerajaan Malaya di-katakan telah menjalankan tindakan2 untuk meminto orang2 China di-Malaya mensifatkan Malaya sebagai negeri mereka sendiri dan bukanlah sa-balek-nya.

Singapura telah di-tindas oleh British sa-lama 140 tahun. Kami berkehendakkan perubahan, tetapi perubahan itu jangan-lah merupakan perubahan orang yang akan menjadi tuan kita."

Sharikat Kapal Persekutuan Tanah Melayu

KUALA LUMPUR. — Menteri Kenderaan Persekutuan Tanah Melayu, Inche' Abdul Rahman Talib berkata di-sini baharu2 ini bahawa beliau perchaya Malaya patut mempunyai sebuah sharikat perkapalan-nya sendiri.

KESILAPAN

Perkataan di-baris pertama dibawah gambar Awangku Asmali, muka 2, hendaklah dibaca: "Awangku Asmali, pelukis muda Melayu Brunei kelihatan"

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 18 March.

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 Dondang Sayang.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 hiburan.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berguka puasa.
- 7.01 Lagu2 hiburan.
- 7.15 Cerita pendek — menyiarkan cerita2 yang di-terima dari pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
- 7.30 "Tahniah dan Uchapan Selamat" — Di-terbitkan oleh P. Muhammad.
- 8.00 Bintang malam.
- 8.15 Ranchangan kaum Ibu oleh Halimah Hussein.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

KHAMIS, 19 March.

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 Berunsor Ugama.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 Mesir.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 Bacaan Koran.
- 7.15 Sharahan Ugama.
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
- 7.45 Islam di-zaman nabi2 satu renchana mengesahkan perkembangan Ugama Islam di-zaman nabi2 di-terbitkan oleh Yusoff H.K.
- 8.00 Pilehan lagu2 Mesir.
- 8.45 Pelajaran Ugama di-Udara oleh Che'gu Salleh.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

JUMA'AT, 20 March

Siaran tengah hari

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 Hiboran.
- 7.15 "Lama dan Baru" — Di-terbitkan oleh Dk. Intan.
- 7.30 Hiboran oleh pancharagam tempatan (ulangan).
- 8.00 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Irama Hawaiian oleh P. Muhammad.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

SABTU, 21 March.

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 hiburan.
- 12.45 Lagu2 irama baharu.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 permintaan hujung minggu — di-susun dan di-terbitkan oleh Jamil Abdullah.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berguka puasa.
- 7.01 "Majallah Radio" — di-terbitkan oleh Jamil Abdulah.
- 7.30 Lagu pilehan sendiri sa-orang pendengar di-jemput datang ka-Studio untuk memilih lagu2 kesukaan-nya. Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Ruangan kanak2 — di-terbitkan oleh Halimah Hussein.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 "Tidor-lah Intan" Di-terbitkan oleh Jamil Abdullah.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

AHAD, 22 March.

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Hiboran oleh Rayuan Bintang Malam — dbp. Salleh Abdullah.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Menikmati lagu2 film.
- 1.30 Cerita pendek (siaran ulangan).
- 1.45 Ruangan mana suka.
- 2.00 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 Lagu2 Mesir penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 7.15 Ruangan masak2an, Penerbit: Halimah Hussein.
- 7.30 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan.
- 8.15 Ruangan bahasa dan kesustraan Penerbit: Jamil Abdullah.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.